

Jenis Akhbar : Bernama Online
Tarikh : 18/02/2019
Edisi / Muka surat : www.bernama.com
Tajuk : Enam sekolah dikenal pasti capai perolehan koperasi lebih RM1 juta

Enam sekolah dikenal pasti capai perolehan koperasi lebih RM1 juta

Tarikh kemaskini: 18/02/2019



KLANG, 18 Feb (Bernama) -- Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) mengenalpasti enam buah sekolah di Selangor yang berpotensi mencapai nilai perolehan dari koperasi sekolah mencecah lebih RM1 juta pada tahun ini.

Presiden Angkasa, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata ketika ini jumlah pendapatan enam koperasi sekolah berkenaan sudah melebihi RM500,000.

"Enam koperasi sekolah berkenaan ialah Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Subang Bestari, Sekolah Seri Puteri, SMK Bandar Baru Sungai Long, SMK Taman Jasmin 2, SMK Jalan Tiga dan Sekolah Sultan Alam Shah.

"Setakat ini juga sudah enam sekolah di seluruh Malaysia mencapai jumlah pendapatan melebihi RM1 juta dan kita sasarkan tahun 2020 akan ada 50 buah koperasi yang akan mencapai sasaran itu," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Majlis Penutup Dialog Pengurusan Kewangan dan Pembangunan Perniagaan Koperasi sekolah di sini, hari ini.

Turut hadir, Naib Presiden Angkasa, Mohamad Azmi Omaruddin dan Ketua Unit Kokurikulum Jabatan Pendidikan Selangor, Sazali Baharudin.

Menurut Abdul Fattah, koperasi sekolah ketika ini sudah mempelbagaikan aktiviti perniagaan antaranya menjual peralatan sekolah dan makanan yang mampu menyumbang kepada peningkatan perolehan.

"Ada juga koperasi sekolah yang sudah menguruskan kantin, bermakna kantin di bawah pengurusan koperasi. Dalam masa yang sama juga dapat melatih pelajar dari segi perniagaan," katanya.- *Bernama*